



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (36)

Tarikh: 1 Jun 2025

DYMM TENGGU PERMAISURI SELANGOR BERKENAN MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS PELANCARAN BULAN SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA KE-19 DAN TAPAK CAR BOOT SALE@KD

Petaling Jaya melakar satu lagi detik bersejarah apabila **Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin** berkenan berangkat merasmikan **Majlis Pelancaran Bulan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 dan Tapak Car Boot Sale Kota Damansara** dalam sebuah acara gilang-gemilang yang berlangsung hari ini.

Keberangkatan tiba Baginda disambut oleh **Yang Amat Berbahagia Datin Seri Masdiana Muhamad, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS)** serta **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samington, Datuk Bandar Petaling Jaya**.

Majlis yang penuh berprestij ini **menandakan bermulanya penganjuran 31 program dan acara** yang dirancang sepanjang bulan Jun 2025 sempena memperingati ulang tahun pengisytiharan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pada tahun 2006.

Memasuki tahun ke-19 sebagai sebuah bandar raya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kekal komited dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan seiring dengan aspirasi serta keperluan warga kota yang semakin berkembang.

Dalam majlis sama, **DYMM Tengku Permaisuri turut berkenan menyaksikan Penyampaian Pengiktirafan oleh The Malaysia Book of Records (MBOR) kepada PJ Eco Recycling Plaza sebagai Pusat Kelestarian Alam Sekitar Pertama oleh Pihak Berkuasa Tempatan serta merasmikan Tapak Car Boot Sale@KD.**

Tapak *Car Boot Sale* ini merupakan inisiatif Majlis yang bertujuan membuka peluang ekonomi kepada komuniti setempat khususnya usahawan mikro dan belia. Melalui konsep jualan dari kenderaan, ia menawarkan platform perniagaan yang mudah, fleksibel dan rendah kos di samping menggalakkan amalan kitar semula serta gaya hidup lestari. MBPJ yakin dengan inisiatif ini, ia mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi komuniti setempat secara mampan dan inklusif.

Antara **pengisian menarik** hari ini termasuk **pameran kucing, cabutan bertuah** yang menawarkan hadiah berupa barangan elektrik dan agihan **300 anak pokok** pelbagai jenis seperti pokok limau, sup, kari, jambu bertih dan pudina. Menambahkan lagi keistimewaan acara, **DYMM Tengku Permaisuri Selangor dan Datuk Bandar Petaling Jaya** turut mencuri tumpuan apabila berkenan mengambil bahagian dalam **'booth preloved item'** dengan mempersembahkan koleksi peribadi masing-masing sekali gus menyemarakkan lagi suasana majlis.



Datuk Bandar Petaling Jaya dalam sembah ucapannya menyatakan bahawa sambutan ulang tahun ini bukan sekadar meraikan kejayaan pembangunan Petaling Jaya, malah menjadi wadah untuk merapatkan hubungan antara Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti.

"Sebanyak **31 program dan aktiviti menarik** telah dirangka sepanjang bulan Jun sebagai tanda penghargaan kepada warga Petaling Jaya serta memperkukuh jalinan antara pihak Majlis dan komuniti. Sambutan ini bukan sekadar meraikan usia, tetapi memperteguh semangat untuk terus maju bersama", katanya.

Pada **20 Jun 2025**, orang ramai berpeluang menikmati **tawaran tempat letak kereta percuma (on-street parking) di seluruh kawasan Petaling Jaya serta akses percuma fasiliti awam seperti kolam renang, gelanggang dan padang sukan MBPJ**.

Kemuncak sambutan akan berlangsung pada **21 Jun 2025**, menampilkan pelbagai inisiatif istimewa sebagai tanda penghargaan kepada warga Petaling Jaya atas sokongan berterusan mereka terhadap pembangunan bandar raya ini. Antara yang ditawarkan termasuk agihan **1,000 anak pokok dan edaran percuma Abate, ubat pencegah pembiakan jentik-jentik** sebagai langkah proaktif membanteras penularan wabak denggi.

Bagi menyemarakkan budaya ilmu dan memartabatkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat, MBPJ akan menawarkan **keahlian percuma Perpustakaan Komuniti PJ tanpa had bermula dari 20 hingga 22 Jun 2025**. Pelbagai aktiviti bersama keluarga turut dianjurkan pada hari kemuncak tersebut, antaranya **'Picnic in The Park', 'On Street Games' dan Pertandingan Bercerita Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**.

Pada sebelah malam, acara kemuncak **Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya** akan berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Laman MBPJ. Majlis ini akan dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan, perarakan khas melibatkan agensi kerajaan dan swasta serta persembahan nyanyian oleh artis popular tanah air antaranya Tomok, Salma Mentor, Roshini, Geraldine Gan dan penampilan Man Raja Lawak dan Ali Puteh.

Mengekalkan tema **'PJ Bandar Paling Bahagia'**, MBPJ komited untuk menterjemahkan aspirasi ini melalui pengisian pelbagai program menarik dan inklusif sepanjang bulan Jun. Setiap aktiviti dirangka bagi menyemarakkan semangat komuniti, memperkukuh kesejahteraan warga kota serta menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang bukan sahaja maju malah membahagiakan untuk didiami.

Untuk maklumat lanjut mengenai senarai penuh acara dan pengisian sepanjang Bulan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya ke-19, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi MBPJ di <https://www.mbpj.gov.my/> atau mengikuti perkembangan terkini melalui platform media sosial rasmi Majlis.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (37)

Tarikh: 5 Jun 2025

MAKLUM BALAS TERHADAP KENYATAAN MALAYSIAKINI BERTAUK PENIAGA HENTAM KIPAS MYKIOSK 'CAP AYAM'

Merujuk kepada laporan media bertarikh 29 Mei 2025 mengenai pelaksanaan inisiatif **MyKiosk 2.0** di lokasi **PJS 2/8, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** ingin memberikan maklum balas terhadap beberapa isu yang dibangkitkan oleh peniaga dan pelanggan.

Pertama sekali, MBPJ menyambut baik sebarang pandangan serta cadangan yang dikemukakan oleh masyarakat khususnya para peniaga kecil yang merupakan kelompok sasaran utama bagi inisiatif ini. **MyKiosk 2.0** merupakan projek kerjasama antara **Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)** dengan **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** bertujuan menyediakan prasarana perniagaan untuk para peniaga kecil di kawasan bandar.

MBPJ mengambil maklum beberapa aduan melibatkan aspek teknikal seperti kebocoran bumbung, reka bentuk dalaman, kualiti kipas serta ketinggian meja jualan. Semua maklumat ini telah dan sedang diteliti oleh pasukan teknikal MBPJ bersama kontraktor terlibat.

Sebagai langkah susulan, Majlis telah mengarahkan siasatan dan pemeriksaan menyeluruh ke atas semua unit kiosk bagi memastikan kerja-kerja pembinaan mematuhi piawaian teknikal yang ditetapkan. **Reka bentuk dan struktur kiosk ini adalah berdasarkan spesifikasi rasmi yang dibangunkan oleh KPKT dan telah diaudit pada 20 Mei 2025.** Sekiranya dakwaan berhubung kebocoran bumbung disahkan benar, Majlis akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi menjamin keselesaan para peniaga serta pelanggan.

Untuk makluman, setiap unit MyKiosk 2.0 yang dibangunkan di bawah dana KPKT bernilai RM25,000, dan kos ini tidak ditanggung oleh peniaga sebaliknya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui dana KPKT.

Sebagai sokongan berterusan kepada peniaga kecil dan mikro, **MBPJ hanya mengenakan caj sewaan serendah RM120.00 sebulan bersamaan RM4.00 sehari.** Tambahan itu, pihak MBPJ turut memberikan **pengecualian bayaran sewa selama tiga (3) bulan pertama** sebagai inisiatif meringankan beban permulaan operasi.

Kadar sewaan ini merupakan sebahagian daripada komitmen MBPJ untuk memastikan golongan peniaga kecil dapat menjalankan perniagaan dalam persekitaran yang lebih moden,



selesa dan teratur tanpa menanggung tekanan kewangan yang tinggi selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memperkasa ekonomi komuniti setempat.

Daripada keseluruhan 25 unit kiosk yang dirancang untuk tapak tersebut, sebanyak 17 unit telah siap dan dipasang secara fizikal di lokasi. Daripada jumlah itu, 10 unit telah disewakan kepada peniaga, manakala baki 15 unit termasuk 8 unit yang masih dalam proses pembinaan sedang dalam tindakan pengisian dan proses penawaran sewaan.

Proses pemilihan peniaga dilakukan secara telus berpandukan garis panduan yang ditetapkan oleh MBPJ. Sekiranya terdapat kiosk yang masih belum digunakan sepenuhnya, MBPJ akan mengambil tindakan susulan dengan mengenal pasti halangan serta memberikan sokongan sewajarnya kepada peniaga yang terlibat.

MBPJ turut menghargai maklum balas positif daripada peniaga dan pelanggan yang mengakui keselesaan serta keselamatan persekitaran MyKiosk. Ini membuktikan bahawa usaha transformasi prasarana perniagaan kecil bandar sedang berada di landasan yang betul. Walau bagaimanapun, MBPJ tidak menafikan keperluan untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk memperbaiki sebarang kekurangan berdasarkan maklum balas yang diterima.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (38)

Tarikh: 6 Jun 2025

KEJOHANAN TENIS REMAJA TERBUKA MBPJ-MILO 2025 TARIK PENYERTAAN 297 PESERTA SELURUH NEGERI

Petaling Jaya sekali lagi menjadi tumpuan penggemar sukan tenis apabila seramai **297 orang peserta** dari seluruh negeri bersaing dalam **Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ-MILO 2025** yang berlangsung selama lima hari bermula **2 hingga 6 Jun 2025**.

Kejohanan anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama **Persatuan Tenis Selangor (STA)** yang memasuki **edisi ke-35** ini mencatat peningkatan penyertaan berbanding tahun sebelumnya, dengan Negeri Selangor mendahului jumlah peserta tertinggi seramai 101 orang, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (93 peserta) dan Negeri Sembilan (28 peserta).

Kejohanan ini terus mendapat pengiktirafan daripada **Persatuan Tenis Malaysia (LTAM)** sebagai **kejohanan bertaraf ranking remaja kebangsaan**. Semua pemain yang bertanding berpeluang **mengumpul mata ranking rasmi LTAM** sekali gus membuka laluan ke peringkat yang lebih tinggi dalam arena tenis negara.

Tiga kategori utama akan dipertandingkan iaitu **Perseorangan, Beregu Remaja Lelaki dan Beregu Remaja Perempuan**, meliputi **lima kategori umur**:

- i. 8 Tahun ke Bawah (Mini Tenis)
- ii. 10 Tahun ke Bawah
- iii. 12 Tahun ke Bawah
- iv. 14 Tahun ke Bawah
- v. 16 Tahun ke Bawah

Penganjuran kejohanan ini merupakan antara inisiatif jangka panjang MBPJ menerusi program pembangunan sukan tenis remaja yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990 dengan objektif utama untuk mencungkil bakat baharu di peringkat akar umbi.

Selain melahirkan atlet pelapis, kejohanan ini juga berperanan sebagai platform dalam membentuk jati diri, memupuk disiplin, memperkukuh perpaduan serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan remaja dan masyarakat melalui aktiviti sukan dan rekreasi.



Majlis penutup kejohanan telah disempurnakan oleh Y.D.M. Tengku Dato' Mohammed Alhaj bin Tengku Harun, Naib Presiden Persatuan Tennis Selangor merangkap Pengerusi kejohanan.

Kejohanan ini turut menerima tajaan daripada **Nestle Products Sdn. Bhd. (Milo), F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd.** serta sokongan daripada **Persatuan Lawn Tennis Malaysia (LTAM), Persatuan Tennis Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor.**

MBPJ merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pemenang dan peserta atas komitmen, semangat kesukanan dan dedikasi yang telah ditunjukkan sepanjang kejohanan ini berlangsung.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالينج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (39)

Tarikh: 10 Jun 2025

PROGRAM SEHENTI MBPJ TANGANI ISU TADIKA TANPA LESEN, USAHA BERSEPADU MBPJ PERKUKUH SISTEM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kekal komited dalam memastikan keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak di bandar raya ini melalui penganjuran **Program Sehenti bagi Penyelesaian Isu Aktiviti Pendidikan (Tadika) Tanpa Lesen di Petaling Jaya** yang berlangsung hari ini di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ.

Program ini merupakan **kesinambungan daripada sesi libat urus bersama pengusaha tadika** yang telah diadakan pada **23 Mei 2025**, melibatkan penyertaan seramai **50 pemilik premis**. Sesi tersebut bertujuan **memberikan pemahaman menyeluruh berkaitan keperluan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada**, khususnya dalam aspek keselamatan bangunan, kelulusan perancangan serta kelayakan operasi tadika.

Melalui pelaksanaan Program Sehenti hari ini, pengusaha diberi ruang dan peluang untuk melengkapkan dan mengemukakan permohonan **Kebenaran Merancang, Permit Struktur dan Lesen Perniagaan** secara serentak menerusi satu saluran bersepadu. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepat dan memudahkan proses kelulusan, malah membantu pemilik premis memahami secara lebih jelas kehendak teknikal, piawaian keselamatan serta keperluan perundangan yang perlu dipatuhi.

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan fasa penting yang membentuk asas perkembangan intelek, emosi, sosial dan fizikal. Oleh itu, penyediaan persekitaran pembelajaran yang selamat, kondusif dan berkualiti adalah amat kritikal dalam mencorakkan generasi masa hadapan. MBPJ menegaskan bahawa tadika yang **beroperasi secara sah dan berlesen** bukan sahaja menjamin pematuhan terhadap peraturan, bahkan memastikan hak dan kebajikan kanak-kanak sentiasa dilindungi.

Taklimat Program Sehenti telah disampaikan oleh **Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, Tuan TPr. Mohd Bakri bin Salleh**, yang menjelaskan langkah-langkah strategik MBPJ dalam menyelaraskan proses berkaitan bagi memastikan setiap premis pendidikan awal kanak-kanak di Petaling Jaya dapat beroperasi secara sah, selamat dan tersusun.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Selain sesi taklimat, turut diadakan sesi **khidmat nasihat teknikal** secara langsung serta **pengemukaan dokumen** permohonan oleh pengusaha kepada pegawai terlibat. Sebagai sebahagian daripada pendekatan menyeluruh, satu **mesyuarat khas Jawatankuasa Kecil Tukarguna Tanah dan Bangunan** turut diadakan bagi meneliti dan mempercepat keputusan terhadap permohonan yang dikemukakan.

MBPJ yakin bahawa pelaksanaan Program Sehati ini mampu menangani isu pengoperasian tadika tanpa lesen secara lebih berkesan serta menggalakkan pematuhan menyeluruh dalam kalangan pengusaha premis pendidikan awal di Petaling Jaya. Usaha ini juga merupakan antara inisiatif strategik MBPJ dalam **memperkasa sistem pendidikan awal kanak-kanak yang selamat, berkualiti dan mampan** selaras dengan keperluan pembangunan bandar raya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (40)

Tarikh: 13 Jun 2025

MBPJ DAN DBP LAKSANA OPERASI BERSEPADU TANGANI PELANGGARAN SYARAT IKLAN PREMIS

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menegaskan bahawa semua bentuk paparan atau visual iklan di premis-premis perniagaan adalah tertakluk **kepada Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) 2007**, khususnya seperti yang dinyatakan dalam **Bahagian II, Perkara 3.(1) dan 3.(2)** berhubung penggunaan Bahasa Kebangsaan iaitu:

- Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain.
- Jika Bahasa Kebangsaan digunakan bersama dengan bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah berukuran tiga puluh peratus lebih besar daripada bahasa lain, diutamakan dari segi kedudukan dan digunakan dengan nahu yang betul.

Hasil pemantauan dan semakan berkala di lapangan, MBPJ telah mengenal pasti sebanyak **41 buah premis perniagaan** yang **gagal mematuhi syarat-syarat iklan premis** seperti yang ditetapkan di bawah peruntukan undang-undang kecil tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu **Operasi Bersepadu bersama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** telah dilaksanakan hari ini di **sekitar kawasan PJU 5** yang diketuai oleh YBrs. Tuan Hj. **Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** bersama En. **Abang Haliman bin Abang Julai, Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, DBP**.

Operasi ini merupakan usaha kolaboratif antara MBPJ dan DBP bagi memastikan pematuhan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam iklan komersial serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan pemilik premis perniagaan mengenai kepentingan mematuhi peraturan berkaitan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam iklan selaras dengan peranan dan tanggungjawab bersama dalam memperkasa martabat bahasa negara.



Selain aspek bahasa, semakan dan tindakan penguatkuasaan turut melibatkan premis perniagaan yang tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah daripada pihak Majlis dan tindakan penguatkuasaan turut diambil terhadap pelanggaran tersebut.

MBPJ ingin mengingatkan bahawa mana-mana individu atau pemilik premis yang gagal mematuhi peruntukan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang. Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh dikenakan **denda tidak melebihi RM2,000, penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali**. Tindakan penguatkuasaan yang diambil termasuklah **kompaun, notis amaran, sitaan bahan iklan serta pendakwaan di mahkamah**, mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Majlis kekal komited dan tegas dalam melaksanakan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap paparan iklan yang melanggar peraturan berkaitan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Pihak Majlis turut mengalu-alukan kerjasama daripada agensi-agensi berkaitan dan komuniti setempat dalam usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan sebagai medium utama komunikasi awam dan komersial di bandar raya ini.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (41)

Tarikh: 15 Jun 2025

2,568 PELARI SERTAI LARIAN PJ10K SEMPENA ULANG TAHUN KE-19 BANDAR RAYA PETALING JAYA

Seramai **2,568 peserta** dari dalam dan luar negara telah membanjiri Laman MBPJ, Seksyen 52 pagi ini bagi menyertai **Larian PJ10K** anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** sempena **Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19**.

Memasuki **edisi keempat**, Larian PJ10K terus mencipta fenomena tersendiri dengan penyertaan yang menggalakkan termasuk kehadiran pelari antarabangsa dari **United Kingdom (27 peserta)**, **India (19 peserta)**, **Filipina (11 peserta)** serta beberapa negara lain.

Acara ini menawarkan **9 kategori** antaranya **Terbuka Lelaki dan Wanita, Veteran Lelaki dan Wanita** serta **Fun Run** dengan **tiga jarak** yang berbeza iaitu **5 kilometer (km), 10 km dan 15 km** sekali gus membuka peluang kepada penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat sama ada pelari pemula mahupun atlet kompetitif. Pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah berbentuk wang tunai.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, dalam ucapannya menegaskan bahawa penganjuran Larian PJ10K bukan sekadar acara sukan, tetapi sebuah inisiatif membina komuniti yang sihat, bersatu dan berdaya saing.

“Larian PJ10K bukan sekadar satu acara sukan, tetapi manifestasi semangat komuniti, simbol perpaduan dan komitmen Majlis untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang aktif, sihat dan sejahtera. Inisiatif sebegini wajar diteruskan agar semangat kekitaan dan gaya hidup cergas terus subur dalam kalangan warga kota dan pengunjung luar,” katanya.

Edisi 2025 menyaksikan sokongan padu daripada pelbagai penaja yang memainkan peranan penting dalam menjayakan Larian PJ10K 2025. Antara yang terlibat termasuk **F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd.** selaku penaja minuman rasmi menerusi 100Plus dan Ice Mountain, serta jenama sukan tempatan **Vrtic** dan **Xtep** sebagai penaja pakaian rasmi. **Pusat Beli-Belah Jaya Shopping Centre, Petaling Jaya** turut menyumbang sebagai rakan penaja.

Sokongan tambahan turut diberikan oleh **N8** sebagai penyedia sumber nutrisi tambahan, **Red Giants Medical Centre** sebagai rakan fisioterapi rasmi dan **Pacemakers Malaysia** selaku penaja rasmi pasukan *pacer*. Penajaan jersi *pacer* pula disumbangkan oleh jenama **Rule**. Gabungan sinergi bersama para penaja telah mengangkat PJ10K 2025 sebagai acara ikonik yang bukan sahaja berfokuskan aktiviti fizikal, tetapi juga simbol kebersamaan dan aspirasi ke arah kehidupan yang sihat dan lestari.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Dengan sokongan padu semua pihak, **Larian PJ10K 2025** bukan sahaja mencerminkan budaya **hidup aktif**, tetapi juga menjadi platform untuk **mempererat hubungan komuniti dan mengukuhkan reputasi Petaling Jaya** sebagai sebuah bandar raya yang inklusif, progresif dan mampan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (42)

Tarikh: 15 Jun 2025

SAMBUTAN HARI DENGGI ASEAN 2025 PERKUKUH USAHA BERSEPADU PERANGI WABAK DENGGI DI PETALING JAYA

Demam denggi terus menjadi ancaman kesihatan awam utama yang memerlukan penglibatan aktif daripada semua lapisan masyarakat. **Sehingga 7 Jun 2025**, sebanyak **1,194 kes demam denggi** telah dilaporkan di Petaling Jaya, mencatatkan peningkatan **18%** berbanding minggu sebelumnya. Ketika ini, sebanyak **19 lokaliti wabak** dikenal pasti, termasuk **dua (2) lokaliti 'hotspot'** yang mencerminkan betapa mendesaknya keperluan untuk mempertingkatkan tindakan pencegahan dan kawalan denggi secara menyeluruh.

Sehubungan itu, **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** telah menganjurkan **Sambutan Hari Denggi ASEAN 2025** di **Apartment Idaman, PJU 10, Petaling Jaya**, salah satu lokaliti yang merekodkan **jumlah kes tertinggi** sebagai usaha memperkukuh kesedaran dan kerjasama rentas sektor dalam membanteras penularan denggi. Program ini menghimpunkan penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat bagi menggerakkan tindakan bersepadu yang lebih berkesan.

Antara pengisian menarik program termasuk ceramah kesedaran denggi, *treasure hunt*, senamrobik, saringan kesihatan, pertandingan mewarna, pameran agensi kerajaan dan NGO, Eco Free Market, pertandingan kutipan sampah terbanyak serta pembelian minyak masak terpakai. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja menyampaikan mesej berkaitan kesihatan dan kebersihan, malah turut menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam memelihara persekitaran yang sihat dan selamat.

Dalam ucapan perasmianya, **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** menegaskan bahawa usaha membanteras denggi memerlukan komitmen bersama.

“Usaha membanteras wabak denggi bukan hanya tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan semata-mata. Ia memerlukan kesedaran, kerjasama dan tindakan berterusan daripada seluruh komuniti. MBPJ komited memperluas pendidikan kesihatan, mempergiat penguatkuasaan serta membudayakan norma kebersihan di semua kawasan perumahan terutamanya di lokaliti berisiko tinggi. Marilah kita bersama-sama menghapuskan tempat pembiakan Aedes dan melindungi keluarga serta jiran tetangga daripada bahaya denggi,” katanya.

Penganjuran program ini amat bertepatan dengan situasi semasa memandangkan **Negeri Selangor sering mencatatkan jumlah kes tertinggi di Malaysia**. Antara faktor penyumbang



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

utama kepada peningkatan kes termasuk **tahap kebersihan persekitaran yang rendah**, lorong belakang rumah, kebun haram, rumah kosong serta tanah-tanah rizab yang terbiar. Keadaan ini diburukkan lagi dengan **sikap sambil lewa segelintir masyarakat** yang kurang peka terhadap bahaya denggi.

Daerah Petaling merupakan antara kawasan dengan kes tertinggi di negeri ini, manakala **Damansara Damai** dikenal pasti sebagai penyumbang utama kes di bawah pentadbiran MBPJ. Di kawasan ini, terdapat **15 kelompok perumahan bertingkat** merangkumi **14,477 unit kediaman**, dengan **kepadatan penduduk yang tinggi** menjadi faktor risiko penularan denggi.

Data menunjukkan sebanyak **480 kes** telah direkodkan di Damansara Damai pada tahun 2024, berbanding **98 kes setakat awal Jun 2025**. **Apartment Idaman** pula mencatatkan jumlah tertinggi dengan **73 kes pada 2024** dan **24 kes sehingga Mei 2025**. Meskipun terdapat penurunan, MBPJ menegaskan bahawa aktiviti kawalan perlu diteruskan secara konsisten bagi **mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan mencegah peningkatan semula wabak**.

Antara inisiatif utama MBPJ termasuk penubuhan **Pasukan SEDAR** yang digerakkan di kawasan berisiko tinggi dan kerjasama strategik dengan **Pasukan COMBI** di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dianggotai sukarelawan komuniti. Kedua-dua pasukan ini memainkan peranan penting dalam pelaksanaan aktiviti pendidikan dan pencegahan di peringkat akar umbi.

MBPJ turut giat melaksanakan program gotong-royong yang memberi fokus kepada penghapusan tempat pembiakan nyamuk aedes seperti bekas air bertakung, longkang tersumbat dan kawasan berisiko tinggi jentik-jentik.

Sebagai kesimpulan, pencegahan dan kawalan denggi tidak akan berjaya tanpa komitmen bersama. MBPJ menyeru seluruh warga Petaling Jaya untuk **mengambil tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan persekitaran** serta bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa kesihatan. Hanya dengan **usaha kolektif dan penglibatan menyeluruh daripada masyarakat**, penularan demam denggi dapat dibendung dan kesejahteraan rakyat dapat dilindungi daripada ancaman wabak ini.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (43)

Tarikh: 15 Jun 2025

MBPJ LANCAR ANUGERAH KOMUNITI PJSSR 2025, MEMPERKASA KOMUNITI KE ARAH BANDAR PINTAR, MAMPAN DAN BERDAYA TAHAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini melakar satu lagi pencapaian penting dalam pembangunan komuniti dengan pelancaran **Anugerah Komuniti Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient (PJSSR) 2025**. Inisiatif strategik ini bertujuan menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam membentuk sebuah bandar raya yang pintar, mampan dan berdaya tahan selaras dengan aspirasi PJSSR 2030. Majlis pelancaran yang berlangsung di **Bilik Seminar 1 & 2, Ibu Pejabat MBPJ** telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samington, Datuk Bandar Petaling Jaya**.

Program ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif komuniti yang bermula sejak tahun 2000 melalui pelaksanaan Local Agenda 21 (LA21) di Petaling Jaya. Sejak itu, program ini telah berkembang daripada inisiatif kesedaran mengenai alam sekitar, keselamatan dan integrasi sosial kepada sebuah anugerah berprestij yang mengiktiraf komuniti dalam memainkan peranan dan penglibatan ke arah pembangunan mampan secara holistik, inklusif dan menyeluruh, yang menyokong pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Wawasan PJSSR 2030.

Anugerah Komuniti PJSSR telah melalui empat (4) fasa utama:

- **2000–2010:** Fasa asas melalui penglibatan komuniti dalam aspek alam sekitar, keselamatan kejuruan dan integrasi sosial.
- **2011–2020:** Fasa pengukuhan anugerah dengan memperkenalkan pelbagai kategori untuk NGO, sektor swasta dan belia.
- **2021–2024:** Fasa digitalisasi dengan pengenalan sistem pemantauan pintar dan kriteria berasaskan elemen *Smart City* seperti penggunaan IoT dan tenaga boleh diperbaharui.
- **2025 dan seterusnya:** Fasa pemantapan dan pengukuhan melalui penambahbaikan kriteria penilaian yang diselaraskan dengan 10 tema utama PJSSR 2030, serta hasil dapatan Bengkel *Post-Mortem* bersama komuniti yang telah dilaksanakan pada Mac 2025.

Tahun ini, MBPJ menekankan bahawa anugerah ini bukan sekadar pengiktirafan tahunan, tetapi sebagai mekanisme jangka panjang bagi memupuk budaya komuniti yang aktif, progresif dan sejahtera. Pelaksanaan anugerah akan memberi penekanan kepada 10 tema utama di bawah *Blueprint* PJSSR 2030, termasuk Bandar Rendah Karbon, Ekonomi Kitaran, Bandar Inklusif, Bandar Mesra Kanak-Kanak, Bandar Pembelajaran, Bandar Pintar dan Tadbir Urus Digital.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Anugerah ini juga menampilkan kriteria penilaian yang telah diperhalusi mengikut tema dengan mengambil kira aspek inovasi, impak kepada komuniti, kelestarian, penglibatan masyarakat dan penajajaran kepada dasar-dasar MBPJ serta SDG.

Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya menegaskan bahawa majlis ini bukan sekadar satu acara penghargaan, tetapi merupakan simbol pengiktirafan terhadap peranan penting yang dimainkan oleh komuniti dalam menjayakan agenda kelestarian bandar.

“Dengan semangat kekitaan dan kerjasama pelbagai pihak, MBPJ yakin bahawa Petaling Jaya akan terus menjadi bandar raya contoh dalam aspek kelestarian dan kemampanan. Anugerah yang diberikan hari ini bukan sahaja meraikan kecemerlangan, malah mengukuhkan kesedaran dan komitmen bersama ke arah merealisasikan Wawasan PJSSR 2030 demi sebuah bandar yang inklusif, hijau dan berdaya tahan untuk semua,” katanya.

Pengisian Majlis Pelancaran hari ini turut menampilkan sesi taklimat dan perkongsian ilmu termasuk taklimat kriteria penilaian dan format penyertaan oleh Puan. TPr. Hj. Mazrina binti Dato’ Abdul Khalid, Ketua Panel Juri dan Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), sesi pembentangan bertajuk “Merakytakan SDGs” oleh Puan Noreen Natassa, Urbanice Malaysia, “Environmental, Social and Governance (ESG)” oleh Puan Jacqueline Chang, Duta Rasmi Circular Economy Institute UK dan perkongsian amalan baik komuniti oleh Persatuan Penduduk South Avenue PJS1, Rukun Tetangga Kg. Tunku dan Persatuan Penduduk Bayu Damansara.

Garis Masa Program Anugerah Komuniti PJSSR 2025.

- **15 Jun 2025:** Hari Terbuka dan Majlis Pelancaran
- **15 Jun – 31 Ogos 2025:** Tempoh penyertaan dan penghantaran dokumen kepada urusetia MBPJ
- **September – Oktober 2025:** Penilaian dokumen, lawatan tapak dan sesi penjurian
- **November 2025:** Penilaian akhir oleh panel juri profesional
- **6 Disember 2025:** Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti PJSSR 2025

MBPJ mengalu-alukan penyertaan daripada semua komuniti Petaling Jaya sama ada persatuan penduduk, rukun tetangga, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), kumpulan kanak-kanak, belia, organisasi wanita atau pelbagai kumpulan dari universiti dan kolej untuk bersama-sama memainkan peranan dalam menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar paling bahagia dan mampan di Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (44)

Tarikh: 15 Jun 2025

PERTANDINGAN KUCING 'MBPJ-KMU CAT SHOW 2025' MERIAHKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA KE-19

Sebanyak **125 ekor kucing** pelbagai baka dari seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan kucing julung kali anjuran **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** dengan kerjasama **Kelab Meow United (KMU)** dan **penaja rasmi Royal Canin** yang berlangsung dengan penuh warna-warni dan kemeriahan hari ini di **IPC Shopping Centre, Damansara**.

'**MBPJ-KMU Cat Show 2025**' ini merupakan salah satu acara istimewa sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 yang bertujuan menyemarakkan semangat cintakan haiwan peliharaan serta mempromosikan gaya hidup **penyayang dan prihatin terhadap makhluk lain** dalam kalangan warga kota.

Pertandingan ini mempertandingkan **dua (2) kategori utama**, iaitu **Kucing Bulu Pendek** dan **Kucing Bulu Panjang**, dinilai oleh **empat (4) juri profesional** yang terdiri daripada **dua (2) juri tempatan**, **seorang wakil MBPJ** serta **seorang juri jemputan khas dari Indonesia**.

Sebanyak **tiga (3) anugerah** menjadi rebutan dalam pertandingan ini, sekali gus menjanjikan persaingan sengit dalam kalangan para peserta dari seluruh negara iaitu **Best of the Best**, menawarkan hadiah wang tunai sebanyak **RM2,000**, beserta **trofi dan roset** kepada pemenang keseluruhan. Seterusnya, **Reserved Best** menerima ganjaran sebanyak **RM500**, **trofi dan roset**. Manakala pemenang bagi **Best of Category** untuk setiap kategori yang dipertandingkan akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak **RM100** seorang bersama **roset** sebagai tanda penghargaan.

Penganjuran ini bukan sahaja membuka ruang kepada pemilik dan pencinta kucing dari seluruh negara untuk berkongsi minat serta pengetahuan, malah memperkukuh usaha MBPJ dalam memupuk nilai kasih sayang terhadap haiwan sebagai sebahagian daripada komitmen ke arah menjadikan Petaling Jaya sebagai **bandar raya penyayang, sejahtera dan berdaya huni**.

MBPJ merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada **Kelab Meow United, Royal Canin**, serta semua peserta dan pengunjung yang telah bersama-sama menayakan dan memeriahkan penganjuran sulung pertandingan ini.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (45)

Tarikh: 16 Jun 2025

PJ STRATA CONVENTION AND STRATA EXCELLENT AWARD 2025 (SEA 2025)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) julung kalinya menganjurkan *PJ Strata Convention and Strata Excellent Award (SEA 2025)* sempena Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya Ke-19 Tahun 2025. Konvensyen ini diadakan khusus untuk komuniti strata bagi memberi perkongsian mengenai isu-isu semasa dan meningkatkan pengetahuan berkaitan pengurusan dan penyenggaraan di skim pemajuan berstrata. Manakala *SEA 2025* merupakan anugerah berprestij bagi mengiktiraf badan pengurusan JMB / MC yang cemerlang dalam pengurusan dan penyenggaraan skim pemajuan berstrata di Petaling Jaya. *SEA* menggantikan Anugerah Transformasi Pembangunan Pengurusan Strata yang telah diperkenalkan sejak tahun 2022 dan anugerah ini telah diberi penjenamaan semula dengan menganjurkan secara dwi tahunan bagi meningkatkan eksklusiviti dan prestij anugerah ini. Program pada hari ini dihadiri seramai 200 orang peserta yang terdiri dari JMB/MC dan rakan strategik berkaitan strata.

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, dalam ucapannya memberitahu sebanyak 60% dari kawasan pentadbiran MBPJ yang berkeluasan 97 kilometer persegi merupakan pembangunan berstrata. Sehingga April 2025, terdapat sebanyak 1,307 skim pemajuan berstrata di dalam kawasan MBPJ melibatkan 194,037 petak iaitu bilangan petak kedua tertinggi di kalangan PBT di Negeri Selangor selepas MBSJ.

“Selain dari *PJ Strata Convention*, MBPJ juga menganjurkan pelbagai program bersiri untuk komuniti strata di Petaling Jaya seperti Seminar Pembangunan Dan Pengurusan Strata, *Strata Management Expert Course (SMEC)* dan Klinik Strata. Dimana objektif utamanya adalah untuk memberi tunjuk ajar secara berterusan kepada JMB/MC supaya dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan pengurusan dan penyenggaraan di bangunan berstrata terutamanya dalam pelaksanaan mesyuarat agung tahunan (AGM), pengurusan kewangan badan pengurusan, pelaksanaan kaedah perolehan yang betul, penyenggaraan bangunan yang sistematik supaya dapat meningkatkan nilai modal bangunan dan



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.instagram.com/pjcitycouncil)

penguatkuasaan undang-undang kecil selaras dengan peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)” katanya.

Tambah beliau, anugerah SEA yang diberi penjenamaan semula bertujuan untuk memberi pengiktiran dan penghargaan kepada JMB/MC dan memberi dorongan kepada mereka untuk melakukan peningkatan dan penambahbaikan dalam pengurusan dan penyenggaraan di skim pemajuan berstrata. SEA ini juga bertujuan untuk melahirkan *role model* kepada JMB/MC untuk memberi perkongsian pengalaman dalam pengurusan dan penyenggaraan di skim pemajuan berstrata.

Sebanyak empat kategori yang dipertandingkan iaitu kategori kediaman kos rendah, kediaman kos sederhana, kediaman kos tinggi dan kategori komersial. Penyertaan SEA 2025 disertai oleh 20 skim berstrata. Penilaian dibuat berasaskan laporan yang dikemukakan dan lawatan ke skim pemajuan. Panel penilai terdiri daripada empat panel luar iaitu KPKT, LPHS, MBSJ dan jabatan dalaman MBPJ. Pemenang akan menerima wang tunai, trofi dan sijil penyertaan dan satu Anugerah Dokumentasi Terbaik akan membawa pulang hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan.

MBPJ yakin menerusi penganjuran program seperti ini akan terus memberi inspirasi kepada JMB/MC untuk terus bersaing meningkatkan dan membuat penambahbaikan dalam pengurusan dan penyenggaraan di skim pembangunan berstrata masing-masing.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (46)

Tarikh: 19 Jun 2025

MBPJ RAI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT BUAT JULUNG KALINYA MELALUI PENGANJURAN 'PETALING JAYA LEARNING CITY FESTIVAL 2025'

Dalam landskap dunia yang terus berkembang pesat, pembelajaran sepanjang hayat semakin diiktiraf sebagai tunjang penting dalam membentuk masyarakat berpengetahuan, berdaya saing dan berdaya tahan menghadapi cabaran masa hadapan. Seajar dengan komitmen ke arah pembangunan sebuah bandar raya yang inklusif, mampan dan progresif, **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** buat julung kalinya menganjurkan '**Petaling Jaya Learning City Festival 2025**' sebagai wadah memperkasa budaya ilmu merentas generasi dan latar belakang.

Festival ini merupakan antara acara utama sempena **Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19** sekali gus memperkukuh identiti Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya berjiwa pembelajaran dan berteraskan komuniti.

Berlangsung dari **19 hingga 22 Jun 2025**, melibatkan pelbagai lokasi strategik di sekitar pusat bandar dengan Dewan Sivik MBPJ menjadi lokasi utama penganjurkan aktiviti. Sepanjang empat hari festival, para pengunjung akan disajikan dengan pelbagai program menarik, menyeronokkan dan sarat dengan nilai ilmu.

Dianjurkan di bawah aspirasi Petaling Jaya sebagai **Bandar Pembelajaran UNESCO**, festival ini menampilkan pendekatan pembelajaran yang bersifat interaktif, inklusif dan holistik, merangkumi pelbagai lapisan masyarakat daripada kanak-kanak, belia, golongan dewasa hinggalah warga emas dengan matlamat membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dalam kehidupan seharian warga kota.

Antara sorotan menarik festival termasuk **Karnival Pendidikan dan Kerjaya** yang menawarkan pameran, bengkel dan ceramah oleh pelbagai institusi, agensi serta industri berkaitan peluang pendidikan dan masa depan kerjaya.

Turut diadakan ialah **Ekspo Mini Buku Petaling Jaya (PJBX 2025)** yang mempromosikan budaya membaca melalui pesta buku, sesi bersama penulis serta aktiviti komuniti literasi.

Dalam usaha memperkasakan teknologi, **Sidang Kemuncak ICT PJ 2025** menampilkan pameran digital, ceramah dan bengkel berkaitan AI, penceritaan digital, pembangunan aplikasi serta zon permainan interaktif.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Pengunjung juga boleh menikmati **Festival Makanan Rasa Fusion**, sebuah fiesta kulinari keluarga lengkap oleh **Suka Dessert** dengan demonstrasi masakan, jualan makanan, persembahan budaya dan zoo mini.

Untuk si cilik, **Zon Kanak-Kanak dan Aktiviti Pembelajaran Kreatif** menyediakan ruang pembelajaran menyeronokkan menerusi eksperimen sains, aktiviti alam sekitar dan eksplorasi seni. Sementara itu, **Pertandingan Jom Jelajah Bahagiannya @PJ** yang berlangsung pada **22 Jun** menawarkan cabaran menjelajah bandar sambil menyelesaikan tugas berasaskan komuniti dan identiti Petaling Jaya bagi memupuk semangat kebersamaan.

Sepanjang penganjuran festival ini, Majlis turut membawakan persembahan hiburan istimewa oleh barisan artis popular tanah air termasuk **Kumpulan Kristal, Floor 88, Cherpen, Dato' Nash** dan ramai lagi. Kehadiran selebriti ini dijangka menyemarakkan suasana festival dan menjadi tarikan utama kepada pengunjung pelbagai peringkat umur.

Festival ini merupakan manifestasi komitmen MBPJ dalam memperkukuh ekosistem pembelajaran yang bersifat terbuka, mesra komuniti dan berpaksikan nilai kebersamaan. Ia menghimpunkan pelbagai pihak terdiri daripada pendidik, pelajar, usahawan, pertubuhan masyarakat, pemimpin tempatan dan warga kota dalam satu platform ilmu, inovasi dan inspirasi bersama.

MBPJ menjemput seluruh masyarakat untuk hadir dan menyertai festival ini, satu langkah ke arah pembangunan diri, pengukuhan komuniti serta penjanaan bandar raya yang bahagia dan mampan. Petaling Jaya terus komited membina masa depan yang berilmu dan inklusif, selaras dengan matlamatnya sebagai **Bandar Paling Bahagia dan Mampan** di Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (47)

Tarikh: 20 Jun 2025

MBPJ ANJUR MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI BANDAR RAYA PETALING JAYA KE-19

Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 diserikan dengan pengisian rohani yang penuh makna menerusi penganjuran Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat di Masjid Al-Islamiah, PJS 6/4, Kampung Lindungan, Petaling Jaya.

Majlis telah diserikan dengan kehadiran YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya yang turut menyantuni para jemaah serta menyertai bacaan Yasin, doa selamat dan solat Jumaat bersama masyarakat setempat.

Selari dengan tema sambutan tahun ini, "Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia", penganjuran majlis ini merupakan satu usaha memperkukuh nilai-nilai kerohanian, mempererat silaturrahim serta menyemai semangat kebersamaan dalam kalangan warga bandar raya. Inisiatif seumpama ini menjadi platform menyuburkan budaya kehidupan yang sentiasa bersyukur, bersatu padu dan harmoni walaupun berdepan pelbagai cabaran dan dugaan.

Antara objektif utama penganjuran majlis ini adalah untuk memohon keberkatan daripada Allah SWT sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 agar bandar raya ini sentiasa dikurniakan keamanan, kemakmuran serta dijauhkan daripada sebarang musibah dan bencana.

Selain itu, majlis ini juga bertujuan mendoakan kesejahteraan seluruh warga Petaling Jaya agar terus diberi kesihatan, keselamatan dan keharmonian dalam menjalani kehidupan seharian.

Majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 tetamu dan jemaah kariah ini telah dipimpin oleh Ustaz Muhammad Nur Iman bin Ibrahim, Pengurus Masjid Al-Islamiah sementara tazkirah disampaikan oleh Ustaz Mohammad Salleh bin Abdul Saha, Pengerusi Lembaga Tadbir Masjid Al-Islamiah.

Diharapkan majlis ini dapat mengeratkan ukhuwah, perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu di Petaling Jaya sebagaimana ajaran Islam yang mengajak manusia supaya bersatu padu, berkeluarga dan mengukuhkan hubungan silaturrahim agar bandar raya ini terus maju dan sejahtera dalam keadaan yang aman dan damai.

Penganjuran majlis seumpama ini juga diharap dapat **mengukuhkan semangat ukhuwah, kasih sayang dan persaudaraan dalam kalangan warga Petaling Jaya**, selaras dengan ajaran Islam yang menyeru kepada perpaduan dan mengukuhkan silaturrahim demi kesejahteraan masyarakat dan kemajuan bandar raya yang dicintai ini.



Seiring dengan itu, firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah, ayat 18 yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.” (Surah At-Taubah, Ayat 18)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa penganjuran aktiviti keagamaan seperti ini bukan sahaja menyuburkan jiwa malah menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera, berakhlak dan mendapat rahmat Ilahi.

MBPJ akan terus komited menganjurkan program-program kerohanian dan komuniti yang memperkukuh jati diri serta kesejahteraan warga seiring aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang bahagia, sejahtera dan mampan untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (48)

Tarikh: 21 Jun 2025

MBPJ PERKUKUH JIWA KOMUNITI MENERUSI INISIATIF PJ PRIHATIN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskan kesinambungan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 menerusi penganjuran **Program PJ Prihatin** yang berlangsung di **Kota Damansara** hari ini dengan menyampaikan sumbangan kepada **30 buah keluarga** berpendapatan rendah (B40).

Mengangkat tema “**Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia**”, program ini merupakan manifestasi keprihatinan dan tanggungjawab sosial MBPJ terhadap komuniti rentan, khususnya mereka yang berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan. Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuh jaringan sokongan sosial bandar malah melambangkan semangat inklusif yang mendasari pembangunan bandar raya ini.

Sesi penyerahan sumbangan telah diketuai oleh **YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya** yang turut menyantuni **tiga (3) keluarga terpilih** dengan menyampaikan **sumbangan wang tunai sebanyak RM300** dan **barangan keperluan bernilai RM150** secara langsung di kediaman penerima.

Antara penerima sumbangan dalam Program PJ Prihatin kali ini termasuk **Puan Hasimah binti Wahab**, berusia 62 tahun yang kini terlantar akibat strok dan komplikasi diabetes yang menyebabkan kedua-dua belah kakinya terpaksa dipotong. Beliau memerlukan penjagaan rapi dan hanya mampu berbaring di atas katil sepanjang masa.

Penerima sumbangan kedua, **Encik Omar Syah bin Sumander Shah**, penghuni Pangsapuri Gugusan Rosa, Seksyen 7, Kota Damansara pula merupakan pesakit kronik yang menghidap pelbagai penyakit serius termasuk masalah jantung dan buah pinggang dan turut memerlukan bantuan berterusan. **Encik Azhar bin Mohamad** dari Pangsapuri Gugusan Cempaka, Kota



Damansara turut disantuni dalam sesi lawatan ini. Datuk Bandar telah menyampaikan bantuan secara langsung di kediamannya.

Sumbangan kepada baki penerima lain akan terus diserahkan oleh Ahli Majlis MBPJ di kawasan masing-masing bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

Program PJ Prihatin ini merupakan sebahagian daripada 10 Program Berimpak Tinggi (10 Thematic Projects) MBPJ yang memberi fokus kepada pembangunan golongan miskin bandar dan kesejahteraan komuniti sejajar dengan matlamat Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient (PJSSR) 2030.

Sepanjang bulan Jun, sebanyak **31 program** komuniti dan pembangunan sosial telah dirangka dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk jabatan dalaman MBPJ, agensi kerajaan, NGO, institusi pendidikan, sektor kewangan dan kesihatan, pihak swasta serta komuniti setempat.

Sebahagian besar program ini dilaksanakan di Laman MBPJ, Dataran Boulevard dan sekitar Pusat Bandar Seksyen 52, selaras dengan usaha MBPJ untuk menghidupkan semula kawasan pusat bandar dan mempergiat promosi Petaling Jaya sebagai sebuah **“Kota Seni”** di Negeri Selangor.

MBPJ terus komited bukan sahaja untuk membangunkan bandar secara fizikal, tetapi juga memperkukuh nilai kemanusiaan dan kesejahteraan rakyat sebagai tonggak utama dalam menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang inklusif, penyayang dan sejahtera.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (49)

Tarikh: 21 Jun 2025

MBPJ RAI ULANG TAHUN BANDAR RAYA PETALING JAYA KE-19, MENYATU KOMUNITI MEMBANGUN BANDAR

Tanggal **20 Jun** sentiasa diingati oleh seluruh warga Petaling Jaya dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kerana ia merupakan tarikh keramat Petaling Jaya dinaik taraf sebagai bandar raya pada **19 tahun** lalu sekali gus mengangkat Petaling Jaya sebagai sebuah **bandar raya kedua di Selangor**.

Melewati hampir dua dekad sejak pengisytiharan tersebut, Petaling Jaya telah mencatatkan pelbagai pencapaian membanggakan. Pengiktirafan ini bukan sahaja menzahirkan kejayaan pentadbiran tempatan, malah menjadi **mercu tanda kemajuan fizikal, sosial dan ekonomi** yang berpaksikan kepada kesejahteraan komuniti.

Berikut merupakan pengiktirafan yang diterima oleh MBPJ antaranya:

- i. **Tahun 2019** - Dinobatkan sebagai antara **10 bandar raya** di dunia untuk **Anugerah Bandaraya Pembelajaran 2019** oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains Dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
- ii. **Tahun 2023 – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama** menerima pengiktirafan sebagai **Bandar Mesra Kanak-Kanak** oleh **UNICEF** kerana melaksanakan inisiatif mesra kanak-kanak dan menyediakan kemudahan serta perkhidmatan yang sesuai untuk kanak-kanak.
- iii. **Tahun 2025 – Pengiktirafan The Malaysia Book of Records (MBOR)** kepada **PJ Eco Recycling Plaza** sebagai **pusat kelestarian alam sekitar pertama** oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya telah diadakan hari ini bertempat di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya dan disempurnakan oleh **Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar**.

Mengekalkan tema **“PJ Bandar Paling Bahagia”**, MBPJ komited untuk menterjemahkan aspirasi ini melalui penganjuran **31 program dan aktiviti sepanjang bulan Jun** yang dirangka khusus bagi merapatkan hubungan antara Majlis dan masyarakat, menyemarakkan semangat komuniti dan memperkukuh rasa bangga terhadap bandar raya tercinta ini.

Pertandingan perarakan merupakan salah satu pengisian acara kemuncak sambutan kali ini. Hampir 400 orang peserta menyertai perarakan dengan jumlah keseluruhan **13 kumpulan** daripada agensi kerajaan dan swasta untuk merebut **tempat pertama** yang menawarkan **hadiah wang tunai**



sebanyak RM3,000 berserta sijil dan plak. Manakala pemenang **tempat kedua dan ketiga** masing-masing akan membawa pulang **wang tunai sebanyak RM2,000 dan RM1,000 beserta sijil dan plak.**

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan dan persembahan nyanyian oleh artis popular tanah air antaranya **Wany Hasrita, Salma Mentor, Floor 88, Dato' Nash, Roshini, Geraldine Gan** dan penampilan **Man Raja Lawak** dan **Ali Puteh.**

Kejayaan yang dikecapi hari ini bukanlah hasil usaha satu pihak semata-mata. Ia adalah manifestasi daripada kerjasama erat antara MBPJ sebagai pentadbir utama dan seluruh komuniti yang menjadi nadi kepada transformasi bandar raya ini.

Dalam ucapan perasmian, Y.B. EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar menegaskan bahawa Petaling Jaya sememangnya antara bandar raya terpenting di Selangor yang memainkan peranan signifikan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan pembangunan Negeri Selangor. Menerusi sokongan dan kerjasama erat pelbagai pemegang taruh dan komuniti setempat, Petaling Jaya telah menunjukkan kesungguhan bagi merealisasikan inisiatif dalam transformasi digital, pemerkasaan ekonomi, pemulihan alam sekitar dan pembangunan hijau serta inisiatif kesejahteraan rakyat.

Semangat kebersamaan inilah yang menjadi asas kepada pelbagai kejayaan sepanjang perjalanan ini sekali gus membentuk Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang bukan sahaja maju dan berdaya saing, tetapi juga inklusif serta lestari untuk dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Pelbagai inisiatif istimewa ditawarkan kepada warga Petaling Jaya sebagai penghargaan atas sokongan berterusan terhadap pembangunan bandar raya ini. Antara yang ditawarkan termasuk **perkhidmatan percuma tempat letak kereta (on-street parking) di seluruh kawasan Petaling Jaya, penggunaan percuma kemudahan awam seperti kolam renang, gelanggang dan padang sukan MBPJ istimewa pada 20 Jun 2025.**

Selaras dengan komitmen MBPJ untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang indah, bersih dan lestari, sebanyak **1,000 anak pokok** turut diedarkan kepada orang ramai pada pagi tadi. **Abate, iaitu ubat pencegah pembiakan jentik-jentik** juga diagihkan secara percuma sebagai langkah proaktif membanteras wabak denggi.

Bagi menyemarakkan budaya ilmu dan memartabatkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat, MBPJ telah menawarkan **keahlian percuma Perpustakaan Komuniti PJ** tanpa had bermula dari **20 hingga 22 Jun 2025.**

Sambutan kali ini bukan sekadar meraikan angka, tetapi memperkukuh tekad MBPJ untuk terus melangkah maju bersama warga kota dalam membina sebuah bandar raya yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan. Segala usaha ini digerakkan secara menyeluruh menerusi pelaksanaan **Pelan Strategik Petaling Jaya Smart Sustainable Resilient 2030 (PJSSR 2030)** sebagai panduan hala tuju transformasi Petaling Jaya ke arah sebuah bandar raya masa depan yang sejahtera dan lestari untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (50)

Tarikh: 21 Jun 2025

MBPJ RAIKAN KELAHIRAN 'BAYI BANDAR RAYA' SEMPENA ULANG TAHUN PETALING JAYA KE-19

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini meraikan seramai 5 bayi yang dilahirkan pada tarikh bersejarah 20 Jun 2025 menerusi penganjuran Program Bayi Bandar Raya sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19.

Kesemua bayi berkenaan selamat dilahirkan di dua buah hospital swasta sekitar Petaling Jaya iaitu Hospital Thomson dan Hospital Assunta.

Tarikh 20 Jun merupakan detik yang cukup bermakna buat seluruh warga Petaling Jaya kerana tanggal itu, Petaling Jaya telah diisytiharkan sebagai bandar raya kedua di Selangor. Bagi mengabadikan momen penuh sejarah ini, MBPJ menganjurkan program khas untuk meraikan kelahiran cahaya mata yang berkongsi tarikh lahir dengan hari ulang tahun bandar raya.

Sebagai simbolik penghargaan, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya telah mengetuai sesi kunjungan ke kedua-dua hospital terbabit dan menyampaikan cenderahati berupa hamper kelengkapan bayi serta kad keahlian Perpustakaan Komuniti MBPJ percuma seumur hidup kepada setiap bayi yang diraikan.

Menurut Datuk Bandar, inisiatif ini bukan sahaja mencerminkan kegembiraan dan rasa syukur atas pertambahan generasi baharu, malah menyemai rasa cinta terhadap Petaling Jaya dalam kalangan masyarakat sejak dari awal kelahiran.

"Setiap tahun, MBPJ menganjurkan Program Bayi Bandar Raya sebagai tanda penghargaan terhadap kelahiran generasi pewaris masa depan yang berkongsi tarikh lahir dengan pengisytiharan bandar raya ini. Tahniah kepada ibu bapa dan syabas kepada petugas kesihatan atas komitmen dan dedikasi mereka", katanya.

Daripada jumlah keseluruhan kelahiran, 2 merupakan bayi lelaki manakala 3 bayi perempuan. 2 kelahiran dilaporkan secara normal, manakala 3 lagi melalui kaedah pembedahan. Kesemua bayi berada dalam keadaan sihat dan stabil.

Bayi pertama yang dilahirkan pada 20 Jun 2025 merupakan seorang bayi perempuan yang selamat dilahirkan di Hospital Thomson pada jam 8.22 pagi. Bayi ini diiktiraf sebagai 'bayi bandar raya' terawal pada tahun ini.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Kunjungan dan penyampaian cenderahati ini merupakan sebahagian daripada pengisian program sempena Bulan Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 yang berlangsung sepanjang Jun 2025 dan menjadi lambang kesyukuran atas pencapaian serta kemajuan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang terus maju, progresif dan inklusif.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (51)

Tarikh: 22 Jun 2025

PJ TOWER RUN 2025 SEMARAKAN SEMANGAT KECERGASAN DAN GAYA HIDUP SIHAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus memperkukuh komitmen dalam membudayakan gaya hidup sihat menerusi penganjuran **PJ Tower Run 2025**, sebuah **acara larian ikonik yang menggabungkan cabaran fizikal dan kekuatan mental melalui larian menara berperingkat**.

Acara yang memasuki **edisi ketiga** ini bukan sekadar larian biasa, ia menawarkan peluang kepada para peserta menguji ketahanan diri untuk menawan **552 anak tangga** merentas **25 tingkat** sambil menikmati panorama Petaling Jaya dari ketinggian yang mengujakan.

Larian telah dimulakan pada jam **7.30 pagi** dengan **format pertandingan dua pusingan “knock-out”** oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samington, Datuk Bandar Petaling Jaya, di mana 10 pelari terpacak akan layak ke pusingan akhir untuk merebut gelaran juara serta hadiah wang tunai. Tahun ini menyaksikan penyertaan seramai **215 peserta** dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang.

Sebanyak **8 kategori** dipertandingkan, melibatkan:-

- i. **Kategori Elit Lelaki**
- ii. **Kategori Elit Perempuan**
- iii. **Kategori Terbuka Lelaki (16–39 tahun)**
- iv. **Kategori Veteran Lelaki (40 tahun ke atas)**
- v. **Kategori Terbuka Perempuan (16–39 tahun)**
- vi. **Kategori Veteran Perempuan (40 tahun ke atas)**
- vii. **Kategori VIP**
- viii. **Kategori Kanak-Kanak**

Pemenang bagi **Kategori Terbuka Lelaki dan Perempuan** masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak **RM500**, manakala pemenang **Kategori Veteran** menerima **RM350**. **Kategori VIP dan Kanak-kanak** pula menawarkan hadiah wang tunai sebanyak **RM250** dan **RM150**.

Sebagai insentif tambahan, peserta yang berjaya memecahkan rekod kejohanan, **1 minit 49 saat** yang kini dipegang oleh **pelari menara dunia, Soh Wai Ching** akan menerima bonus khas bernilai **RM200**.



Lebih menarik, Soh Wai Ching sendiri akan turut serta bertanding dalam edisi tahun ini sekali gus menjadi tarikan utama kejohanan. Untuk makluman, beliau baru sahaja dinobatkan sebagai **Olahragawan Selangor 2024** sempena **Majlis Anugerah Sukan Negeri Selangor 2024** yang telah berlangsung pada **11 Jun 2025**.

Selain sebagai platform untuk mencabar daya fizikal, *PJ Tower Run* juga berfungsi sebagai laluan strategik untuk peserta mengumpul mata kelayakan dan meningkatkan kedudukan dalam senarai ranking dunia larian Menara sekali gus menjadikannya acara yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kejayaan penganjuran ini merupakan hasil kerjasama erat antara MBPJ dan **Malaysia Tower Running Association (MTA)**. Sokongan dan latihan turut diperkukuh melalui **bengkel larian menara mingguan** yang diadakan setiap **Sabtu, jam 5.30 petang hingga 7.00 malam**. Inisiatif ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti khususnya warga Petaling Jaya yang semakin peka terhadap kepentingan kesihatan dan kecergasan.

Acara larian ini bukan sekadar pertandingan, ia adalah simbol kekuatan komuniti, aspirasi gaya hidup sihat dan platform bakat tempatan menonjol di persada dunia. MBPJ merakamkan penghargaan kepada semua peserta, penganjur dan rakan strategik atas sokongan berterusan dalam menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang aktif, progresif dan mampan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (52)

Tarikh: 22 Jun 2025

MBPJ ANJUR KEJOHANAN TENPIN BOLING PIALA DATUK BANDAR BERSAMA RAKAN STRATEGIK DAN PBT SEMPENA ULANG TAHUN BANDAR RAYA KE-19

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan strategik (penguatkuasaan) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atas sokongan berterusan serta komitmen dalam menjalin kerjasama yang kukuh. Sebagai simbol penghargaan tersebut, MBPJ telah menganjurkan **Kejohanan Tenpin Boling Piala Datuk Bandar Petaling Jaya Bersama Rakan Strategik (Penguatkuasaan) dan Pihak Berkuasa Tempatan** yang berlangsung dengan meriah di **Sunway Megalanes, Sunway Pyramid** hari ini.

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, dalam ucapannya menegaskan bahawa kejohanan yang julung kalinya dianjurkan ini merupakan antara inisiatif MBPJ untuk terus **mengukuhkan jaringan kerjasama antara agensi penguatkuasaan di Selangor dan seluruh Malaysia dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, mesra rakyat dan berimpak tinggi.**

"Platform seumpama ini bukan sahaja mendorong kepada pengamalan gaya hidup sihat melalui sukan, malah berperanan penting dalam memperkukuh hubungan profesional, menyemai semangat setiakawan serta membuka ruang pertukaran idea ke arah pembangunan bandar yang mampan dan inklusif," ujar beliau.

Tahun 2025 menyaksikan pelbagai kejayaan dan detik bermakna buat MBPJ. Melewati hampir dua dekad sejak pengisytiharan Petaling Jaya sebagai bandar raya, pelbagai pengiktirafan berjaya diraih, mencerminkan pencapaian cemerlang MBPJ dalam aspek fizikal, sosial dan tadbir urus yang berpaksikan kesejahteraan rakyat.

Berikut merupakan pengiktirafan yang diterima oleh MBPJ antaranya:-

- i. **Tahun 2019** - Dinobatkan sebagai antara **10 bandar raya di dunia untuk Anugerah Bandaraya Pembelajaran 2019** oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains Dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
- ii. **Tahun 2023** – **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama** menerima pengiktirafan sebagai **Bandar Mesra Kanak-Kanak** oleh **UNICEF** kerana melaksanakan inisiatif mesra kanak-kanak dan menyediakan kemudahan serta perkhidmatan yang sesuai untuk kanak-kanak.
- iii. **Tahun 2025** – **Pengiktirafan The Malaysia Book of Records (MBOR)** kepada **PJ Eco Recycling Plaza** sebagai pusat kelestarian alam sekitar pertama oleh **Pihak Berkuasa Tempatan**.



Kejayaan ini bukan hanya hasil usaha MBPJ semata-mata, sebaliknya lahir daripada kolaborasi erat dengan komuniti setempat dan sokongan berterusan rakan strategik khususnya dalam aspek penguatkuasaan dan tadbir urus bandar yang menyumbang kepada keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan lestari Petaling Jaya.

Kejohanan **tiga pusingan** ini menyaksikan penyertaan seramai **175 peserta**, membabitkan **7 PBT luar Selangor, 12 PBT Selangor dan 18 rakan strategik**. Sebanyak **empat (4) kategori** dipertandingkan iaitu **Berpasukan Campuran, Individu VIP, High Game dan High Series** untuk merebut hadiah menarik (sila rujuk lampiran).

Kejohanan ini turut menjadi salah satu acara utama dalam Kalendar Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19. Sepanjang bulan Jun, sebanyak **31 program** dan aktiviti telah disusun secara menyeluruh bagi menyemarakkan semangat komuniti, memperkukuh jaringan kerjasama serta meraikan kepelbagaian yang menjadi kekuatan bandar raya ini.

Untuk makluman, acara kemuncak iaitu **Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya** telah berlangsung dengan penuh meriah di Laman MBPJ semalam dan berjaya menghimpunkan hampir **5,000 pengunjung**. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan mencerminkan sokongan padu warga kota terhadap pembangunan bandar raya ini.

Turut berlangsung pemberian 1,000 anak pokok dan abate (ubat jentik-jentik) istimewa untuk pengunjung yang hadir. Selain itu, turut terdapat jualan tong sampah MGB 120 liter berharga RM100, 'on-street game' dan Pertandingan Tamiya Mini 4DW & BMax Challenge 2025 yang telah berjaya menarik penyertaan daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam dan luar Selangor.

Pelbagai inisiatif istimewa ditawarkan kepada warga Petaling Jaya sebagai penghargaan atas sokongan yang berterusan. Antara yang ditawarkan termasuk perkhidmatan percuma tempat letak kereta (on-street parking) di seluruh kawasan Petaling Jaya, penggunaan percuma kemudahan awam seperti kolam renang, gelanggang dan padang sukan MBPJ istimewa pada 20 Jun 2025.

MBPJ yakin bahawa menerusi penganjuran program seperti ini, semangat kebersamaan dan kolaborasi yang terjalin akan terus memberi inspirasi kepada rakan strategik penguatkuasaan dan PBT untuk terus menyalurkan perkhidmatan berkualiti tinggi sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran penduduk Petaling Jaya secara menyeluruh.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (54)

Tarikh: 26 Jun 2025

MBPJ ANJUR TAKLIMAT DRAF PELAN TINDAKAN EKONOMI PENJAGAAN 2025–2030 & PELAKSANAAN PROGRAM KOMUNITI “PJ FOOD WITH LOVE” PERKASA EKOSISTEM PENJAGAAN INKLUSIF

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus komited memperkasa agenda kesejahteraan sosial melalui penganjuran **Taklimat Draf Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya 2025–2030 dan Pelancaran Program "PJ Food With Love"** yang berlangsung hari ini di Gelanggang Bola Keranjang, Taman Aman, Petaling Jaya.

Petaling Jaya antara bandar terawal di Selangor yang memperlihatkan pola penuaan populasi yang semakin ketara dengan 12.6% daripada penduduknya kini berusia lebih 65 tahun berdepan cabaran demografi yang semakin kompleks dan mendesak. Realiti ini menuntut perancangan strategik serta penyediaan sistem sokongan penjagaan komuniti yang lebih holistik, inklusif dan mampan khususnya bagi menyantuni golongan warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU) yang kian memerlukan perhatian serta intervensi secara tersusun dan berkesan.

Beberapa kawasan seperti Seksyen 17, Seksyen 19, SS3, Taman Medan dan Kampung Tunku merupakan antara lokaliti yang mencatatkan kepadatan warga emas yang tinggi, terdiri daripada penduduk asal sejak era awal pembangunan Petaling Jaya. Pola kependudukan ini memberi gambaran jelas tentang keperluan kepada sistem sokongan penjagaan yang lebih tersusun, mesra usia dan bersifat jangka panjang.

Sehubungan itu, MBPJ mengorak langkah ke hadapan sebagai peneraju dalam pembangunan ekosistem penjagaan yang berdaya saing melalui penyediaan **Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya 2025–2030** selari dengan **Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor (DEPNS)** yang digariskan oleh Kerajaan Negeri. Namun begitu, pelan ini turut diperkemas dan disesuaikan mengikut konteks lokal Petaling Jaya dengan mengambil kira cabaran unik yang dihadapi di peringkat akar umbi.

Draf pelan ini telah dirangka secara inklusif dan berfasa melalui sesi libat urus bersama pelbagai pemegang taruh termasuk seramai 200 pengusaha premis penjagaan yang menyertai **Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya** pada **10 Februari 2025**, diikuti 70 wakil agensi kerajaan, NGO dan jabatan dalaman MBPJ dalam sesi **Technical Working Group (TWG)** pada **6 Mei 2025**. Pendekatan kolaboratif ini memastikan pelan yang digubal benar-benar mencerminkan keperluan komuniti serta mampu dilaksanakan secara efektif.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon dalam ucapannya menegaskan bahawa pelan ini bukan sekadar dokumen dasar, tetapi merupakan kerangka strategik yang komprehensif bagi membina ekosistem penjagaan yang mampan dan berimpak tinggi.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

"Lebih penting lagi, pelan ini tidak hanya menumpukan kepada penyediaan perkhidmatan semata-mata, tetapi turut menyentuh aspek profesionalisme penjaga, pemudahcara lesen dan pematuhan pusat penjagaan, pembangunan data dan teknologi penjagaan serta peluang ekonomi yang dapat diwujudkan melalui sektor ini."

Beliau turut menekankan bahawa pelan ini bukan sahaja mampu mengangkat nilai kemanusiaan dalam perancangan bandar tetapi membuka ruang kerjasama rentas sektor antara kerajaan, masyarakat, NGO dan pihak swasta dalam menjayakan aspirasi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya penyayang, mesra usia dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.

Dalam majlis yang sama, MBPJ turut melancarkan program **"PJ Food With Love"**, sebuah inisiatif penjagaan berasaskan kasih sayang yang menyasarkan warga emas yang tinggal bersendirian dan memerlukan perhatian khusus. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik bersama **AGECOPE Selangor, ManagedCare Sdn. Bhd. dan Le Maison Blissful.**

Antara elemen utama yang mendasari pelaksanaan Program "PJ Food With Love" termasuk penghantaran makanan sihat dan berkualiti secara berkala terus ke rumah warga emas berdaftar bagi memastikan keperluan pemakanan harian mereka terjaga, di samping pemantauan kesihatan berkala dengan sokongan pasukan perubatan tempatan bagi mengesan awal sebarang risiko kesihatan.

Program ini turut merangkumi penyediaan butang kecemasan (panic button) sebagai langkah keselamatan pantas sekiranya berlaku sebarang insiden di rumah. Selain itu, sukarelawan daripada AGECOPE Selangor juga akan membuat panggilan mingguan kepada penerima manfaat bukan sahaja untuk pemantauan, malah sebagai bentuk sokongan emosi.

"PJ Food With Love" adalah manifestasi sebenar ekonomi penjagaan, bukan sekadar dasar atas kertas, tetapi satu amalan mesra dan penuh kasih sayang di tengah bandar raya moden.

MBPJ turut merakamkan penghargaan kepada **Sunway Integrated Properties Sdn. Bhd.** atas sokongan mereka dalam menjayakan program ini menerusi sumbangan makanan sihat dan cenderahati untuk para penerima manfaat. Komitmen sektor swasta seperti ini membuktikan peranan penting korporat dalam membentuk bandar yang inklusif dan sejahtera.

Majlis hari ini bukan sekadar pelancaran program tetapi merupakan titik tolak kepada sebuah gerakan kemanusiaan berskala untuk membina Petaling Jaya sebagai sebuah bandar yang bukan sahaja membangun dari sudut fizikal dan ekonomi, malah turut subur dengan nilai kasih sayang, kepedulian dan semangat kekitaan dalam jiwa masyarakatnya.

Kerana akhirnya, bandar yang paling hebat bukanlah yang paling tinggi bangunannya, tetapi yang paling tinggi nilai kemanusiaannya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (54)

Tarikh: 26 Jun 2025

MBPJ LAKSANA KEMUDAHAN PENGECAS EV, PERKASA MOBILITI HIJAU DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini mengorak satu lagi langkah proaktif ke arah pembangunan bandar raya hijau dan mampan menerusi penganjuran **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)** bersama **Syarikat EV Connection Sdn. Bhd.** dan **Carput Zap Network Sdn. Bhd.** Majlis yang berlangsung di **Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ** ini menandakan pelaksanaan usaha bersama bagi penyediaan dan pemasangan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV Charging Bay - EVCB) di sekitar Petaling Jaya.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan inisiatif **MBPJ Green Mobility Partnership** yang dirangka untuk **memperluas ekosistem mobiliti hijau** serta menyokong aspirasi negara dan dasar kerajaan ke arah peralihan kepada **mobiliti rendah karbon** dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian sasaran nasional **pelepasan karbon sifar bersih (net-zero emissions)** menjelang tahun 2050.

Melalui perlantikan kedua-dua syarikat ini, MBPJ akan melaksanakan pemasangan kemudahan EVCB secara berperingkat di kawasan parkir awam serta lokasi-lokasi strategik di bawah seliaan MBPJ. Kemudahan ini bakal menggunakan teknologi pengecasan moden yang mematuhi **piawaian keselamatan, mesra pengguna** dan **efisien** sejajar dengan peningkatan bilangan pemilik kenderaan elektrik khususnya di Lembah Klang.

EV Connection Sdn. Bhd., selaku **pengendali utama platform JomCharge** dan **Carput Zap Network Sdn. Bhd.**, pelopor dalam penyelesaian tenaga hijau dan pengecas pantas akan bersama-sama menyumbang kepakaran serta infrastruktur melalui pendekatan **Public-Private Partnership (PPP)**. Kedua-dua rakan strategik ini komited dalam menyokong Kerajaan Tempatan merealisasikan matlamat **bandar rendah karbon**.

Usaha ini selari dengan aspirasi MBPJ untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar paling bahagia, lestari dan mampan. Dalam merealisasikan matlamat ini, MBPJ memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan bandar yang inklusif serta mesra alam di samping memperkukuh kualiti udara persekitaran demi kesejahteraan warga kota.

Inisiatif ini turut mendukung usaha memperluaskan akses kepada sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan mudah selain menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam kehidupan harian masyarakat. Pendekatan holistik ini bukan sahaja mempertingkatkan taraf hidup penduduk malah menyokong pembangunan bandar raya yang mampan dari sudut alam sekitar, ekonomi dan sosial.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Inisiatif ini bukan sekadar mencerminkan kemajuan teknologi, malah menjadi pemangkin kepada transformasi menyeluruh Petaling Jaya ke arah sebuah bandar hijau yang pintar, inklusif dan berdaya huni.

MBPJ beriltizam untuk memperluaskan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik di seluruh kawasan pentadbirannya agar manfaat pembangunan ini dapat dinikmati secara menyeluruh oleh penduduknya. Usaha berterusan ini diharap dapat memperkukuh lagi peranan Petaling Jaya sebagai peneraju dalam **agenda mobiliti hijau dan kelestarian bandar** di peringkat tempatan dan nasional.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (55)

Tarikh: 26 Jun 2025

MAKLUM BALAS MEMORANDUM OLEH PERTUBUHAN PELINDUNG KHAZANAH ALAM MALAYSIA (PEKA) BERHUBUNG ISU PEMBANGUNAN DI BUKIT GASING

Majlis Merujuk kepada memorandum yang disampaikan oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) pada 16 Jun 2025, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ingin memberikan penjelasan bahawa tapak-tapak yang dirujuk tidak melibatkan kawasan rizab green belt Bukit Gasing seperti yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. Warta: 907) pada 23 November 1961. Sebaliknya tapak-tapak tersebut adalah tanah hak milik persendirian dan telah mempunyai kelulusan pelan-pelan pembangunan selaras dengan Kategori dan Syarat Nyata Tanah, Suratan Hak Milik sebagai Bangunan Kediaman dan Pelan Gunatanah Utama, Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 4) yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. Warta: 515) pada 16 Februari 2023 sebagai Perumahan Kepadatan Rendah.

Mengambil kira tapak-tapak tersebut berada di kawasan bercerun, kelulusan pelan-pelan pembangunan perlu melalui proses yang lebih ketat termasuk mendapatkan ulasan dari panel perunding bebas dan kelulusan dari Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Negeri Selangor (JTPKSAS) terlebih dahulu sebelum permohonan dikemukakan untuk pertimbangan Majlis. Kelulusan oleh JTPKSAS telah dibuat berdasarkan pematuhan ulasan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan-jabatan Teknikal terhadap Laporan Kajian Geoteknikal yang dikemukakan melibatkan PLANMalaysia@Selangor, Jabatan Mineral & Geosains Selangor, Jabatan Kerja Raya Selangor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Lembaga Urus Air Selangor, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, IKRAM Centre For Engineering Forensic And Consultancy Services (ICFC) serta Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kejuruteraan, MBPJ. Selain itu, proses penglibatan awam juga telah dijalankan oleh Majlis sebelum kelulusan pembangunan bagi tapak tersebut diberikan pertimbangan.

Lawatan tapak oleh Unit Cerun, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Kawalan Bangunan MBPJ pada 12 Jun 2025 mendapati pemilik tapak sedang menjalankan kerja-kerja penstabilan cerun. Berdasarkan syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan, pemilik antara lainnya tidak dibenarkan menjalankan kerja-kerja pembinaan bangunan di tapak sehingga kerja-kerja penstabilan cerun siap dibina terlebih dahulu dan dikenalpasti tahap keselamatan oleh Jurutera Geoteknikal Profesional. Majlis akan meneruskan pemantauan bagi memastikan kerja-kerja penstabilan cerun tersebut segera disiapkan mengikut peringkat yang telah dicadangkan oleh Jurutera Geoteknikal Profesional dan tidak menjejaskan keselamatan persekitaran.



Lokasi Tapak Projek Berdasarkan Pelan Gunatanah Utama, Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 4) yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor (No. Warta: 515) pada 16 Februari 2023.



Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (56)

Tarikh: 28 Jun 2025

MBPJ JAYAKAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN GERAN PKKPJ 2025, PERKUKUH KOMITMEN KESELAMATAN KOMUNITI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menutup tirai sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Petaling Jaya Ke-19 dengan penganjuran **Majlis Penyampaian Sumbangan Geran Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) 2025** yang berlangsung hari ini di **Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ**.

Majlis telah disempurnakan oleh **YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor** bersama YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Penganjuran majlis ini menjadi manifestasi komitmen berterusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi memperkukuh aspek keselamatan komuniti sekali gus membentuk persekitaran bandar yang lebih selamat, inklusif dan mampan untuk seluruh warga Petaling Jaya.

Diperkenalkan sejak tahun **2011**, program PKKPJ merupakan salah satu inisiatif di bawah **Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya** yang digariskan bagi merangsang penglibatan komuniti secara aktif dalam menangani isu keselamatan setempat. Melalui pendekatan berasaskan komuniti ini, MBPJ menyokong penyertaan **Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB)** dalam menjayakan pelbagai program di bawah aspirasi **Program Bandar Selamat** anjuran **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**.

Petaling Jaya kini menjadi antara **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terawal** yang berjaya melaksanakan kesemua **15 langkah utama** di bawah inisiatif Bandar Selamat tersebut. Kejayaan ini secara langsung turut menyumbang kepada pencapaian **Teras RS-1: Inklusiviti Sosial dan Kesejahteraan Rakyat** sebagaimana digariskan di bawah agenda pembangunan Negeri Selangor.

Dalam ucapan aluan, Datuk Bandar menzahirkan rasa bangga terhadap penyertaan aktif komuniti setempat dan menegaskan bahawa majlis ini bukan sekadar simbolik penyampaian sumbangan geran, sebaliknya satu bentuk pengiktirafan terhadap semangat sukarelawan dan pengorbanan masyarakat dalam memelihara keselamatan kawasan kediaman masing-masing.

"Sehingga kini, sebanyak **22 anugerah** berjaya diraih bagi tahun 2025. Pencapaian ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa persekitaran yang kondusif serta penglibatan aktif komuniti yang komited dan bertanggungjawab".



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Menyedari keperluan untuk memperkukuh lagi agenda keselamatan secara mampan, beliau turut mengumumkan bahawa MBPJ akan menganjurkan **Bengkel Penyediaan Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2030** pada **24 Julai 2025**. Bengkel ini akan menjadi platform penting untuk menilai semula pelan sedia ada serta merangka pelan baharu yang lebih dinamik, futuristik dan selari dengan keperluan semasa bandar raya Petaling Jaya.

Pendekatan **libat urus menyeluruh** akan dilaksanakan dengan melibatkan semua pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, NGO, komuniti, pemaju, perunding dan institusi pengajian tinggi bagi memastikan pelan ini benar-benar inklusif dan mencerminkan aspirasi bersama warga kota.

Pada tahun ini, sebanyak **135 permohonan geran PKKPJ** telah diluluskan melibatkan **71 Persatuan Penduduk (RA)**, **38 Rukun Tetangga (RT)** dan **26 Badan Pengurusan Bersama (JMB)**. Majlis telah memperuntukkan **RM600,000.00** dengan setiap pasukan layak menerima sumbangan sebanyak **RM3,000.00**.

Selain itu, **Insentif Khas Pelaporan Terbaik** turut diteruskan dengan peningkatan jumlah penerima daripada lima (5) kepada **sepuluh (10) pasukan**, masing-masing menerima **RM1,000** sebagai penghargaan atas prestasi cemerlang dalam aspek pelaporan serta pelaksanaan program keselamatan kejiranan.

MBPJ turut merakamkan penghargaan kepada **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** atas bimbingan dan kerjasama strategik serta kepada semua agensi, pertubuhan dan individu yang telah menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program ini sejak ia mula diperkenalkan.

Majlis ini jelas mencerminkan kejayaan pendekatan kolaboratif antara PBT, agensi keselamatan dan masyarakat. MBPJ menyeru agar jaringan kerjasama ini terus diperkukuh demi menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang lebih **selamat, sejahtera dan bahagia** untuk semua.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695